BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 11/17/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 17 November 2017

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2017

Ekonomi Malaysia berkembang pesat pada kadar 6.2% pada suku ketiga 2017

Pertumbuhan ekonomi negara terus dipacu oleh permintaan dalam negeri, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang menyeluruh. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 1.8% (S2 2017: 1.3%). Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.8% disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah.

Kestabilan kewangan dalam negeri terpelihara

Secara keseluruhan, ketidaktentuan dalam pasaran kewangan domestik kekal rendah dalam keadaan sentimen dalam negeri yang bertambah baik. Kualiti aset dan paras keuntungan institusi kewangan domestik kekal mantap. Sektor perniagaan dan isi rumah terus menunjukkan kemampuan membayar balik hutang yang kukuh. Mudah tunai mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan dan memenuhi keperluan aktiviti ekonomi benar manakala peminjam yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan.

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2017

Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar lebih tinggi dalam julat seperti yang diunjurkan sekitar 5.2 – 5.7% pada tahun 2017, berikutan prestasinya yang terus kukuh pada suku ketiga. Permintaan dalam negeri dijangka menyokong pertumbuhan ini. Bagi sektor luaran, aktiviti eksport akan terus memperoleh manfaat daripada keadaan permintaan global yang memuaskan. Inflasi keseluruhan dijangka mencatat kadar purata yang

lebih tinggi dalam julat yang diramalkan sekitar 3 - 4% bagi keseluruhan tahun 2017.

Bank Negara Malaysia juga menyiarkan dua rencana yang berkisar pada dua isu penting. Rencana pertama yang bertajuk "Menilai Semula Insentif Pelaburan", menunjukkan kepentingan untuk membuat penilaian semula terhadap rangka kerja insentif yang sedia ada bagi memastikan Malaysia terus menjadi daya tarikan pelaburan berkualiti dengan limpahan ekonomi yang lebih besar pada masa hadapan. Rencana kedua bertajuk, "Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah" memberikan sorotan penting tentang ketidakseimbangan penawaran-permintaan dalam pasaran harta tanah kediaman dan komersial. Keadaan ini, jika tidak ditangani, boleh menimbulkan risiko terhadap ekonomi secara lebih meluas.

Bank Negara Malaysia
17 November 2017

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2016 (%)	2016		2017		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	91.6	4.5	3.2	7.7	5.7	6.6
Sektor Swasta	*70.1*	5.9	5.9	8.2	7.2	7.3
Penggunaan	*53.2*	*6.3*	*6.1*	*6.6*	*7.1*	*7.2*
Pelaburan	*16.9*	*4.8*	*4.9*	*12.9*	*7.4*	*7.9*
Sektor Awam	21.5	-0.3	-2.6	5.8	0.2	4.1
Penggunaan	*13.1*	*2.1*	*-4.2*	*7.5*	*3.3*	*4.2*
Pelaburan	*8.5*	*-3.8*	*-0.4*	*3.2*	*-5.0*	*4.1*
Eksport Bersih	8.4	8.2	6.4	-14.5	1.4	1.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*70.4*	*-0.6*	*2.2*	*9.8*	*9.6*	*11.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*62.1*	*-1.8*	*1.6*	*12.9*	*10.7*	*13.4*
KDNK	**100.0**	**4.3**	**4.5**	**5.6**	**5.8**	**6.2**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.3**	**1.8**	**1.3**	**1.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2016 (%)	2016		2017		
		S3	S4	S1	S2	S3
Perkhidmatan	54.3	6.2	5.5	5.8	6.3	6.6
Perkilangan	23.0	4.3	4.7	5.6	6.0	7.0
Perlombongan	8.8	2.9	5.0	1.6	0.2	3.1
Pertanian	8.1	-6.1	-2.5	8.3	5.9	4.1
Pembinaan	4.5	7.9	5.1	6.5	8.3	6.1
KDNK Benar	**100.0**[1]	**4.3**	**4.5**	**5.6**	**5.8**	**6.2**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia